



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN
YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH TAHUNAN
GIATMARA 2016**

**GRAND MAHKOTA BALLROOM
HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR**

**RABU, 7 DISEMBER 2016
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

1. Assalamualaikum Warrahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul pada Majlis Anugerah Tahunan GIATMARA, bagi meraikan pegawai-pegawai cemerlang iaitu penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi penilaian prestasi tahun 2015 dan 2016.
3. Pada majlis ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kesemua 23 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada hari ini

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

HUMAN TOUCH FACTOR

4. Setiap anggota GIATMARA adalah aset dalam menjana ekonomi ke arah negara maju bagi merealisasikan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Oleh itu, Latihan Kemahiran Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang akan diperkasa adalah antara penyumbang kepada kemajuan sumber manusia kompeten dunia, bukan sahaja negara kita.
5. Sebuah organisasi kerap kali dinilai dari sudut kualiti sistem penyampaian perkhidmatannya. Dalam dunia teknologi yang serba canggih, sistem penyampaian ini amat didukung oleh faktor penggunaan ICT yang meluas.
6. Dalam era digital kini dengan keupayaan teknologi yang mampu menyalurkan data, emel, faks dan website yang sangat interaktif, ianya menjadi medium popular sebagai perantara. Dengan Google nya, Facebook nya, Twitter dan lain-lain untuk membolehkan anggota kita mendapatkan maklumat terkini berkaitan prosedur pentadbiran dan aktiviti lainnya.
7. Kita sebenarnya berada di persimpangan jalan yang cukup penting dalam perjuangan kita. Di persimpangan ini, satu persoalan pokok yang perlu ditanya;

untuk terus bergerak ke hadapan sebagai sebuah institusi latihan, apakah sebenarnya yang terbaik boleh kita berikan kepada rakyat?

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

PERSEKITARAN KERJA DENGAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

8. Menurut data dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kita mencatat 36 juta pelanggan telefon selular, iaitu kadar penembusan 124% atau 124 set bagi setiap 100 penduduk.

9. Penembusan jalurlebar (broadband) pula meningkat kepada 68% langganan isi rumah. Dengan kata lain, Lebih 18 Juta penduduk Malaysia mempunyai kemudahan jalurlebar.

10. Malaysia sekarang sudah terletak antara tangga teratas di kalangan negara Asean dari segi kemampuan ICTnya. Kita mempunyai pengguna internet yang sangat ramai.

11. Walau bagaimanapun, era digital ini telah menjadikan sistem penyampaian ini bersifat mekanistik, terlalu tinggi pergantungannya kepada mesin dan amat impersonal sifatnya.

12. Justeru itu, kita perlu berusaha untuk mengurangkan krisis komunikasi melalui teknologi yang tidak boleh memperlihatkan reaksi dan sensitiviti di kalangan yang memberi dan yang menerima perkhidmatan. Malah, kita perlu mengembalikan elemen HUMAN TOUCH dalam sistem penyampaian perkhidmatan kementerian dan dari masa ke semasa, sistem penyampaian perkhidmatan ini perlu ada interaksi manusia pada tahap-tahap tertentu.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

PRESTASI GIATMARA SEKARANG

13. Kehadiran saudara-saudari pada malam ini pastinya dengan semangat dan komitmen yang jitu kepada perjuang kita. Sewajarnya, kita menginsafi bahawa; kita, insan yang kerdil ini telah diberikan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin, yang terdekat, yang paling mudah, paling rapat, untuk bersama rakyat kita diluar sana. Hadirnya jasad dan roh kita ini disini bukan diatas nama individu serta kepentingan diri sendiri semata-mata. Hadirnya kita malam ini adalah kerana Allah s.w.t., bagi mendukung dan memperkasakan organisasi kesayangan kita.

14. Tahun ini, kita telah menyaksikan 30 tahun GIATMARA berjaya merentasi pelbagai ombak dan badai rintangan.

15. Seperti yang saya katakan tadi, kita dapat melihat perkembangan perubahan diatas komitmen tuan-tuan semua!

16. GIATMARA yang kita ketahui adalah satu-satunya institusi latihan kemahiran yang berjaya melatih anak-anak muda dalam bandar dan luar bandar dalam pelbagai bidang kemahiran. Kejayaan GIATMARA memang terserlah dengan peningkatan kemajuannya sejak ditubuhkan pada tahun 1986 dan kini jumlah GIATMARA seluruh negara lebih banyak dari jumlah Parlimen.

17. Banyak Anugerah-Anugerah peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa telah dimenangi oleh GIATMARA dan kejayaan serta kemenangan GIATMARA itu telah mengharumkan nama negara kita dan dengan sendirinya Malaysia lebih terkenal di persada dunia.

GIATMARA MENJELANG 2050

18. Sebagai frontliner yang paling penting dalam GIATMARA, Dari mulanya tahun 1986 hingga ke kala arus permodenan mutakhir, bukan sebagai pemerhati bisu dan tuli, namun anda semua adalah pembawa obor perubahan, merintis jalan menuju kecemerlangan.

19. GIATMARA telahpun diberi nafas baru dan manjalani penjenamaan semula dengan perisian semasa sebagai organisasi pendidikan yang lebih mampan dan

proaktif dalam menangani isu generasi muda. Kita percaya untuk menjuarai suara dan aspirasi pelapis bangsa, tuan-tuan dan puan-puan haruslah mampu menawarkan penyelesaian kepada mereka.

20. Menyahut saranan kerajaan, GIATMARA menyambut baik pemeraksanaan Latihan Kemahiran Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang dirangka khusus untuk mempertingkatkan keupayaan anak-anak bangsa kita menjelang Transformasi Nasional 2050 (TN50). Melalui pendekatan ini, tanggungjawab melatih orang muda ini tidak lagi semudah seperti yang dilihat dulu.

21. Disamping kita menyumbang keringat berdasarkan kekuatan unik masing-masing, kita harus sedar bahawa, dalam asimilasi kita bersama geng muda, semakin jelas aspirasi mereka yang dahagakan kelainan mengikut perkembangan semasa, kepimpinan serasi dengan congakan dan sudut pandangan mereka.

Hadirin hadirat sekalian,

22. Cabaran sekarang memerlukan kebijaksanaan untuk kita mengurus persekitaran pembelajaran yang lebih proaktif dan kundusif yang jauh berbeza daripada kebiasaan sebelum ini. Kita berhadapan dengan geng-geng yang lebih berpendidikan dan terdedah kepada dunia. Mereka lebih mudah membuat perbandingan akan tahap pencapaian kita berbanding yang lain.

23. GIATMARA harus berkemampuan melatih, mendidik termasuk menunjukkan outcome yang telah berjaya buat mereka dan bukan lah apa yang telah serta pernah dilaksanakan.

24. Yang pasti lanskap pendidikan dan kemahiran tanahair amat berlainan dengan aliran maklumat yang bebas samada melalui media masa atau media baru. Pemodeenan negara dengan infrastruktur canggih dalam konteks telekomunikasi bukan hanya meningkatkan produktiviti ekonomi negara tetapi juga memberi kesan kepada kesedaran dan kematangan rakyat.

25. Inilah persekitaran terkini yang lebih bebas, pantas, terbuka. Kaedah kita diabad ke 21 ini menuntut kepada perubahan sepertimana perubahan zaman yang telah

berlaku. Persekitaran mencabar ini dan masa yang teramat suntuk menuntut kita untuk bergerak sepanjang waktu, tanpa noktah, tanpa rehat supaya kita tidak ketinggalan sama sekali.

Saranan, nasihat serta amanat YB Dato' Sri Menteri

26. Dari mula ucapan kita telah mendengar pemuda, geng muda atau Gen-Y, anak muda, semua nya muda-muda belaka. Antara perkara untuk bersedia menghadapi transformasi generasi ini,

27. Kita perlu Bersatu; asas kekuatan kita adalah perpaduan dan gerak kerja berpasukan. Membariskan semua anggota dalam saf perjuangan yang kukuh. Kita mesti berpegang teguh kepada perjuangan asas GIATMARA, perjuangan MARA, bagi menegakkan, mempertahankan dan memartabatkan agama, bangsa dan tanah air.

28. Kita mesti Relevan; segala program, medium penyampaian, gaya bahasa dan saluran maklumat hendaklah menepati citarasa golongan yang disasarkan dan kita harus Proaktif; di mana piawai budaya kerja kita, segala perancangan dan tindakan hendaklah dibuat tanpa menunggu arahan terutama dalam hal ehwal kebajikan rakyat.

29. Oleh itu, warga GIATMARA harus lebih cekap, berkesan, reponsif, berani berubah serta peka kepada perubahan semasa untuk menangani saingan dari dalam mahupun luar organisasi melalui pemantapan daya saing, ilmu pengetahuan dan juga amalan disiplin yang tinggi.

30. Akhirk kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak bagi menjayakan Majlis Anugerah Tahunan GIATMARA tahun 2016 ini.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN MAJLIS ANUGERAH TAHUNAN GIATMARA 2016 INI.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullah